

U *lul albab* merupakan satu daripada konsep kecerdasan manusia yang terkandung dalam al-Quran. Istilah *ulul albab* ditemukan berulang-ulang dalam al-Quran yang menerangkan pelbagai konteks karakter untuk menggambarkan kecerdasan bagi orang-orang yang mahu berfikir. Sebahagian ayat menggambarkan *ulul albab* berhubungan dengan sikap takwa yang mampu memahami syariat agama dan al-Quran dengan baik.

Selain itu, *ulul albab* yang dimaksudkan dalam al-Quran memiliki dua ciri asas keimanan, iaitu tafakur dan zikir. Kedua-duanya menghasilkan natijah hasil daripada pengamatan yang tersusun dalam fikiran, serta pengalaman dan pemanfaatannya dalam kehidupan seharian. *Ulul albab* juga dicirikan oleh karakter seseorang yang terikat dengan nilai iman, serta kemampuan untuk memahami segala bentuk perumpamaan yang dimiliki oleh Allah SWT.

Menurut Ibn Kathir, generasi *ulul albab* merupakan golongan yang memiliki pemikiran yang sempurna sehingga mampu memahami hakikat sesuatu perkara dan membawa mereka



Membangun Generasi *Ulul Albab*

Berteraskan **Konsep Quranik,**
Ensiklopedik dan **Ijtihadik**

kejayaan dunia dan akhirat. Pemahaman ini disepakati oleh para ulama tafsir yang lain bahawa istilah ini digunakan oleh al-Quran bagi merujuk golongan yang memiliki kesempurnaan akal dan kematangan cara berfikir sehingga mampu memberikan penilaian yang tepat dan akhirnya mampu menemukan hakikat kebenaran yang menyelamatkan kehidupan seseorang di dunia dan di akhirat. Pemahaman ini selaras dengan firman Allah SWT dalam *Surah al-Zumar* ayat 17 hingga 18 yang bermaksud, "Dan orang-orang yang menjauhi taghut, iaitu tidak menyembahnya dan kembali kepada Allah, bagi mereka berita gembira; sebab itu sampaikanlah berita itu kepada hamba-Ku, yang mendengarkan perkataan, lalu mengikuti apa-apa yang paling baik di antaranya. Mereka itulah orang-orang yang telah diberikan Allah petunjuk dan mereka itulah orang-orang yang mempunyai akal."

Jelas di sini bahawa konsep *ulul albab* merupakan gagasan pemikiran besar yang dijelaskan oleh Allah SWT sebagai model rujukan utama bersumberkan al-Quran, sunah dan ilmu pengetahuan yang luas, bagi memandu ke arah pemikiran yang rasional. Gagasan ini mampu melahirkan golongan yang sentiasa berfikir dan memerhati kejadian melalui mata hati dan akal yang tajam serta mengambil iktibar daripadanya. Oleh hal yang demikian, menjadi satu keperluan agar penetapan konsep *ulul albab* disepadukan dalam konteks pendidikan sebagai wadah utama dalam pembangunan umat masa hadapan.

Ulul albab dan pendidikan

Pendidikan merupakan satu agenda besar yang boleh mempengaruhi kualiti dan ketamadunan sesebuah bangsa di dunia. Pendidikan dalam sesebuah masyarakat memerlukan sistem nilai yang mampu dikembangkan dan disuburkan supaya warganya memiliki etika yang tinggi dalam kehidupan. Pendidikan juga merupakan satu proses menimba ilmu terpenting dalam kehidupan dan sepanjang hayat manusia. Peranan ini dipikul oleh para pendidik melalui metodologi pengajaran dan pembelajaran yang dinamik berasaskan kurikulum pendidikan. Walau bagaimanapun, pendidikan bukan hanya berperanan untuk menjelmakan "A" semata-mata, bahkan fokus utama adalah untuk memperadabkan insan selari dengan konsep tarbiah dalam Islam.

Sehubungan dengan itu, pendidikan yang berteraskan Islam hendaklah dibangunkan secara holistik, sepadu dan seimbang seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek menjadi asas ke arah kesempurnaan perkembangan *aqli* dan *naqli* serta kematangan seseorang untuk membuat keputusan yang tepat. Keseimbangan dalam pendidikan akan menghasilkan seseorang individu yang berkualiti bagi mencapai kejayaan hidup di dunia dan di akhirat. Hal ini amat bertepatan dengan ciri-ciri *ulul albab* yang diajar oleh Allah SWT kepada sekalian manusia

Golongan ini akan lahir sebagai generasi *ulul albab* yang menguasai bidang agama dan sains seperti yang telah dicapai semasa zaman kegemilangan Islam dahulu dengan lahirnya tokoh-tokoh saintis Islam yang unggul.

untuk diaplikasikan dalam sistem pendidikan yang lebih berstruktur.

Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2025, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited menyediakan pendidikan berkualiti tinggi bagi melengkapkan murid dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang relevan untuk berjaya dan berdaya saing dalam pasaran kerja berteraskan nilai Islam yang kukuh. Pada 7 Disember 2013, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan Malaysia ketika itu telah mengumumkan model Pendidikan Islam Ulul Albab diperluaskan pelaksanaannya ke seluruh negara mulai tahun 2014.

Idea asal model pendidikan Islam Ulul Albab telah dicetuskan oleh Datuk Seri Idris Jusoh sejak tahun 1996 dengan hasrat untuk menginovasi dan mentransformasikan pendidikan di Sekolah Menengah Imtiaz persendirian di Besut, Terengganu (kini dikenali Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu Besut). Pada tahun 2004, pentadbiran Sekolah Menengah Imtiaz diambil oleh kerajaan negeri Terengganu di bawah pengurusan Yayasan Terengganu. Kemudian sekolah ini

didaftarkan dengan Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah kategori Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) pada tahun 2010. Selain di daerah Besut, pertambahan Sekolah Menengah Imtiaz telah diwujudkan di beberapa buah daerah yang lain seperti Kuala Terengganu, Kuala Nerus, Dungun, Kuala Berang, Kemaman, Marang dan Setiu bagi menampung jumlah kemasukan murid yang semakin bertambah bukan sahaja di negeri Terengganu, tetapi di seluruh negara.

Kurikulum Imtiaz dianggap sebagai pencetus inovasi dalam sistem pendidikan di Malaysia yang melibatkan gabungan antara aliran agama dengan akademik berdasarkan tiga komponen yang perlu ada pada murid, iaitu *quranik*, *ensiklopedik* dan *ijtihadik*. Penetapan ketiga-tiga komponen ini dibuat berlandaskan beberapa ayat al-Quran yang menerangkan tentang keperibadian *ulul albab*. Antaranya termasuklah firman Allah SWT dalam *Surah al-Baqarah* ayat 269 yang bermaksud, "Dia memberikan hikmah kepada sesiapa yang Dia kehendaki. Barang siapa diberikan hikmah, sesungguhnya dia telah diberikan kebaikan yang banyak. Dan tidak ada yang dapat mengambil pelajaran kecuali orang-orang yang menggunakan akal fikirannya."

Selain itu, dalam *Surah Ali 'Imran* ayat 190, Allah SWT berfirman yang bermaksud, "Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, adalah tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan

rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal."

Ayat-ayat ini menjadi inti pati bagi menghuraikan konsep *quranik*, *ensiklopedik* dan *ijtihadik* yang diperkenalkan dalam program

Ulul Albab di Sekolah Menengah Imtiaz dan telah diikuti di beberapa buah sekolah di Malaysia termasuk Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), sekolah swasta dan sekolah di bawah kawalan pihak berkuasa agama negeri. Ayat tersebut menunjukkan bahawa golongan *ulul albab* yang hendak dilahirkan adalah dalam kalangan individu yang ideal dan istimewa yang dikurniakan oleh Allah SWT. Golongan ini akan lahir sebagai generasi *ulul albab* yang menguasai bidang agama dan sains seperti yang telah dicapai semasa zaman kegemilangan Islam dahulu dengan lahirnya tokoh-tokoh saintis Islam yang unggul.

Pendidikan bersifat quranik

Elemen *quranik* diterapkan dalam pendidikan bagi menghadirkan roh Islam dalam diri setiap murid dan meletakkan hanya Allah SWT sebagai tempat bergantung hidup. Mendampingi al-Quran bukan sahaja pada posisi pembacaan, bahkan lebih daripada itu mentadabbur dan memahami isi kandungannya sehingga mampu menjadi pemikir yang patuh dan



Konsep pendidikan Islam Ulul Albab akan melahirkan murid yang cemerlang dalam ilmu dunia dan akhirat.

memiliki keperibadian *ulul albab* yang utuh.

Dakwah Islamiah telah melahirkan satu generasi al-Quran, iaitu generasi sahabat Rasulullah SAW yang merupakan generasi paling istimewa dalam sejarah Islam dan sejarah kemanusiaan keseluruhannya. Inilah yang sedang diusahakan oleh pihak KPM bagi membangkitkan semula generasi ini melalui struktur pendidikan yang sistematik. Pihak KPM telah menyediakan platform pembangunan generasi *ulul albab* melalui kurikulum yang disediakan sejak tahun 2014, iaitu Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) yang diajar di 21 buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) seluruh negara.

Selain itu, KPM juga menyediakan program Tahfiz Model Ulul Albab di bawah KBT bagi 11 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan empat buah Sekolah Berasrama Penuh (SBP). Kurikulum yang disediakan ini merupakan nilai tambah kepada sistem pendidikan agama sedia ada

yang dilaksanakan di sekolah-sekolah KPM. Murid-murid yang lahir dari sistem ini dijangka akan memenuhi keperluan guna tenaga profesional yang menghafal al-Quran serta mempunyai pegangan agama yang kukuh.

Pendidikan bersifat ensiklopedik

Pengetahuan *ensiklopedik* merujuk pengetahuan yang luas dan lengkap dalam pelbagai ranah ilmu atau multidisiplin dan menguasai pelbagai bahasa pada satu-satu masa. Konsep pendidikan *ulul albab* sangat dekat dengan elemen *ensiklopedik* yang menekankan perkembangan intelektual, emosi dan rohani dalam kalangan murid. Pendekatan ini bukan sahaja untuk mata pelajaran berteraskan pendidikan Islam sahaja, bahkan boleh merentasi pelbagai mata pelajaran yang dipelajari murid di sekolah. Asasnya pendidikan bersifat *ensiklopedik* akan menekankan penguasaan pelbagai ilmu sebagai teras membangunkan tamadun yang sejahtera di samping melahirkan generasi yang unggul.

Hal ini dibuktikan ketika Islam mampu melahirkan pakar rujuk yang mempunyai pelbagai kepakaran yang telah dijadikan sebagai sumber rujukan utama hingga hari ini. Penguasaan ilmu yang ditunjukkan sangat menakjubkan sehingga kelompok cendekiawan Barat mengakui bahawa Islam pada zaman itu sangat digeruni. Lahirnya intelektual Islam yang profesional dan agamawan seperti al-Farabi, al-Khwarizmi, Ibn Sina, Ibn Rusyd dan Ibn Khaldun sudah cukup menggambarkan bahawa

tokoh-tokoh yang dimaksudkan sebagai generasi *ulul albab* yang harus dicontohi perjalanan ilmunya. Konsep multidisiplin dalam pelbagai bidang ini sedang diaplikasikan melalui kurikulum pendidikan di Malaysia berdasarkan pakej mata pelajaran seperti gabungan aliran dini sains, dini sastera, dini STEM, tahfiz sains, tahfiz sains *turath*, dan pelbagai lagi bidang yang mampu melahirkan murid sebagai pakar rujuk berteraskan pendidikan yang bersifat *ensiklopedik*.

Pendidikan bersifat ijthadik

Golongan *ulul albab* yang bersifat *ijthadik* merupakan golongan ilmuwan yang mempunyai daya fikir yang strategik, kreatif dan berani membangunkan sesuatu yang baharu untuk manfaat umat dengan memaksimumkan hikmah akal fikiran yang dikurniakan oleh Allah SWT. Inilah sifat seorang mujtahid yang sentiasa berusaha dan beriltizam bagi menetapkan sesuatu hukum dalam agama berdasarkan sumber hukum yang kuat dan tepat selain menguasai ilmu bahasa Arab, usul fiqah, uruf setempat dan sebagainya.

Berdasarkan semangat konsep ijthad dalam keperluan kehidupan yang sentiasa berubah-ubah, di samping pembangunan sains dan teknologi yang pesat, pendidikan yang bersifat *ijthadik* mampu memberikan penyelesaian terhadap permasalahan umat. Ciri-ciri *ijthadik* seperti membekalkan diri dengan takwa, mendengar secara kritis, memerhati dan mengambil iktibar terhadap sesuatu perkara serta tidak tertarik dengan maksiat merupakan

elemen yang selari dengan kurikulum di Malaysia.

PPPM 2013 hingga 2025 menyatakan bahawa satu daripada aspirasi murid yang dihasratkan adalah melalui kemahiran berfikir. Aspirasi ini selari dengan pembangunan generasi *ulul albab* yang dihasratkan dalam pendidikan yang bersifat *ijthadik* bagi memacu murid membina kemahiran *inkuiri* dan terus belajar untuk mendapatkan pengetahuan sepanjang hayat. Setiap murid perlu menguasai pelbagai kemahiran kognitif yang penting seperti pemikiran kreatif inovatif, pemikiran kritis dan penaakulan serta keupayaan belajar. Gagasan yang besar ini tidak akan berlaku sekiranya penyedia dasar tidak dapat memahami pelaksana terutamanya dalam aspek keperluan sumber dan kemampuan sasaran mengikut kemajuan zaman.

Oleh itu, untuk membangunkan sistem pendidikan yang bersifat *quranik*, *ensiklopedik* dan *ijthadik*, perlu diteliti pelbagai aspek seperti kandungan kurikulum, pembinaan pelan pendidikan yang jelas dan mudah difahami, serta pembangunan aktiviti dan kokurikulum yang berteraskan adab dan nilai. Apabila dasar yang dibangunkan jelas, maka murid dapat menguasai kepelbagaian ilmu yang disepadukan dengan ketinggian pegangan nilai murni berteraskan al-Quran dan sunah. Secara tidak langsung modal insan yang berorientasikan *ulul albab* mampu menjelmakan sebuah negara yang berdaya saing, berkat, sejahtera, menyeluruh dan guna sumber berimpak tinggi. 🌟